

Bahagian A

[15 Markah]

Kertas soalan ini mengandungi pilihan A, B, C dan D. Pilih jawapan yang **PALING TEPAT**.

1. Apakah kuasa luar yang terawal menjajah dan campur tangan di negara kita ?

- A. Portugis.
- B. Belanda.
- C. Jepun.
- D. British.

2. Jadual berikut berkaitan dengan perjuangan tokoh-tokoh tempatan di negara kita.

Tokoh	Negeri
Haji Abdul Rahman Limbong	X
Mat Salleh	Sabah
Dol Said	Melaka

Apakah negeri yang diwakili X ?

- A. Negeri Sembilan.
 - B. Terengganu.
 - C. Perak.
 - D. Selangor.
3. Pada tahun 1841, James Brooke telah menjajah _____.
- A. Johor
 - B. Sarawak
 - C. Melaka
 - D. Sabah
4. Siapakah yang membantu Dato' Maharaja Lela membunuh J.W.W. Birch ?
- A. Sultan Abdullah.
 - B. Temenggong Hashim.
 - C. Datu Patinggi Ali.
 - D. Seputum.

5. Haji Abdul Rahman Limbong telah ditangkap oleh pihak British dan dibuang negeri ke _____.
- A. Jordan
 - B. Mekah
 - C. Melaka
 - D. Kelantan
6. Berikut adalah kesan sosiekonomi akibat penjajahan British **kecuali** _____.
- A. Perkembangan sistem pengangkutan dan perhubungan
 - B. Perkembangan sistem pendidikan
 - C. Perkembangan ekonomi
 - D. Perkembangan agama Hindu
7. Apakah kejayaan Yamtuan Antah dalam rundingannya dengan pihak British?
- A. Dato' Kelana diiktiraf sebagai Yamtuan di Seri Menanti.
 - B. Mengisytiharkan Jelevu sebagai wilayah kepunyaan Dato' Kelana.
 - C. Mendapat pengiktirafan sebagai Yamtuan Besar di Seri Menanti.
 - D. Yamtuan Antah mengisytiharkan Terachi sebagai wilayah pemerintahannya.
8. Nyatakan tokoh-tokoh pejuang tempatan yang menentang British di Sarawak.
- I Rentap.
 - II Dol Said.
 - III Antanom.
 - IV Sharif Masahor.
- A. I dan II.
 - B. II dan III.
 - C. I dan III.
 - D. I dan IV.
9. Nyatakan iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa penjajahan kuasa luar ke atas negara kita ?
- A. Meminta pertolongan kuasa luar untuk menyelesaikan masalah Negara.
 - B. Kita perlu berbaik-baik dengan kuasa luar tanpa prasangka.
 - C. Berbangga kerana kuasa luar berminat dengan negara kita.
 - D. Rakyat harus bersatu-padu mempertahankan kedaulatan negara.

10. Antanom telah mendirikan kubuh pertahanan di.....bagi menyerang tentera syarikat Borneo Utara British.
- A. Sungai Rejang
 - B. Sungai Skarang
 - C. Sungai Selangit
 - D. Sungai Mangkaladoi
11. Penentangan terhadap British di Perak disebabkan oleh....
- A. Campur tangan British dalam adat resam orang Melayu.
 - B. Pembinaan balai polis oleh British
 - C. Pembakaran kampung oleh British
 - D. Britis mencuri semua wang perak
12. Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong menentang British?
- A. Melucutkan gelaran sebagai pembesar
 - B. Menceroboh kawasan hutan untuk membina jalan.
 - C. Pembakaran tanaman secara besar-besaran.
 - D. Mewajibkan pas kebenaran untuk menjalankan aktiviti pertanian.
13. Mengapakah Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British?
- A. Ahli keluarga Mat Salleh telah dibunuh.
 - B. British tidak mengiktiraf kedudukan Mat Salleh sebagai pemerintah di Sandakan.
 - C. Membantah cukai yang dikenakan serta peraturan baru yang diperkenalkan.
 - D. Disebabkan British suka mencuri makanan dan cukai Mat Salleh.
14. Rentap telah menyerang kubu James Brooke di.....
- A. Pulau Gaya
 - B. Mukah
 - C. Nanga Skrang
 - D. Manggatal
15. Pada pendapat anda, mengapakah kita mesti menolak campur tangan kuasa luar dalam pentadbiran negara kita?
- A. Untuk mengelakkan penjajahan.
 - B. Mengekalkan kedaulatan negara kita.
 - C. Untuk memecahbelahkan perpaduan kaum.
 - D. Agar Malaysia menceroboh negara lain.

BAHAGIAN B

[5 MARKAH]

ARAHAN: Jawab semua soalan di bawah.

A) Padankan tokoh perjuangan berikut dengan faktor penentangan yang betul.

Tokoh

Faktor
Penentangan

Dato'
Bahaman

British menguatkuasakan
undang – undang
binatang buas

Mat Salleh

Campur tangan British
dalam pentadbiran Klang

Haji Abdul
Rahman
Limbong

Kehilangan hak
mengutip cukai dan
dilucutkan jawatan
sebagai pembesar

Raja
Mahadi

British mencabuli adat
resam orang Melayu

Dato'
Maharajalela

Kehilangan kawasan
pengaruh